

Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson. Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri

Azizi Yahaya

Latar Belakang Erik Erikson

Erik Erikson dilahirkan pada 1902 di Frankfurt, Jerman. Erikson sebenarnya tidak memperolehi pendidikan formal Sekolah Tinggi. Ia menghadiri "humanistik gymnasium" di Jerman. Walaupun ia bukan pelajar yang baik tetapi mempunyai kecemerlangan dalam mata pelajaran sejarah dan seni. Selepas tamat persekolahan, ia meninggalkan rumah dan mengembara ke negara Eropah.

Pada tahun 1927, Erikson menerima tawaran rakannya Peter Blos dan mengajar di sebuah tabika di Vienna. Maka pada masa itu, Erikson mula menceburi dalam bidang psikoanalisis dan di bawah latihan dan bimbingan Anna Freud.

Erikson menerbitkan buku pertamanya "Childhood dan Society" pada tahun 1950. Buku ini telah menyebabkan menjadi orang terkenal dalam bidang psikologi ego. Selepas itu, ia meneruskan usaha dalam penyelidikan teori perkembangan psikososial. Apabila beliau bersara, Erikson menumpukan banyak masa dalam mengaplikasi skemanya tentang kitaran hidup manusia kepada kajian sejarah seorang dan kanak-kanak Amerika khasnya kumpulan minoriti. Hasil kajiannya yang cemerlang iaitu "Gandhi's Truth" (1969) telah dianugerah "Pulitzer Prize" dan Hadiah Buku Kebangsaan dalam bidang falsafah dan agama.